



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**14 JANUARI 2020 (SELASA)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |   |                                |    |
|---|--------------------------------|----|
| - | Teruskan hasrat ambil alih IWK | 29 |
|---|--------------------------------|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**07 FEBRUARI 2019 (KHAMIS)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Teruskan hasrat ambil alih IWK
Muka Surat	29

# Teruskan hasrat ambil alih IWK

844 14/1/2020 ms 27

Kerajaan Selangor adakan beberapa rundingan dengan Pusat

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI

SHAH ALAM

Kerajaan Selangor tetap meneruskan hasrat untuk mengambil alih operasi syarikat pembentungan Indah Water Konsortium (IWK).

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, buat masa ini kerajaan negeri terus mengadakan beberapa rundingan berkaitan perkara itu.

"Pengambil alihan operasi IWK secara langsung bagi memastikan air dilepaskan memenuhi aspek yang ditetapkan.

"Buat masa ini rundingan terus dijalankan dengan kerajaan Persekutuan berkaitan soal ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas hadir pada Majlis Perhimpunan Bulanan Penjawat Awam Negeri Selangor di



AMIRUDIN

Dewan Jubli Perak di sini semalam. Katanya, buat masa ini ketiadaan jaminan menyebabkan pihaknya terpaksa memikul tanggungjawab termasuk isu pencemaran bau.

"Kita akan teruskan sebab hasil keluaran IWK memberi kesal langsung kepada kualiti air yang akan mengalir ke pintu muka sauk.

"Kalau sudah beberapa kali tidak ada jaminan, adalah lebih baik kita uruskan dan tentukan kualiti air sendiri. Masalahnya kualiti itu tidak ditentukan," katanya.

Pada 24 Disember 2019, Amirudin berkata, Air Selangor bercadang mahu menguruskan sendiri syarikat pembentungan IWK dalam usaha menyeraskarkan prosedur operasi standard (SOP) antara kedua-dua agensi yang saling berkepentingan.

Cadangan itu ditimbulkan susulan LRA Sungai Semenyih terpaksa dilhenti tugas sepenuhnya pada 21 Disember 2019 ekoran insiden pencemaran bau di Sungai Semenyih yang berpunca daripada perbuatan tidak bertanggungjawab pihak tertentu yang membuang bahan sisik buangan haram dengan bau pelarut di lurang pembentungan sekitar loji milik IWK di Bandar Bukit Mahkota, Bangi.

Selangor belum putuskan tarif air

**SHAH ALAM** - Kadar baharu tarif air di Selangor belum boleh diputuskan kerana kerajaan negeri masih menunggu maklum balas mengenainya daripada kerajaan Persekutuan.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kerajaan Selangor tidak boleh bergerak 'sendirian' dalam isu berkenaan kerana sebarang perubahan atau penetapan kadar baharu tarif air akan dibuat oleh kerajaan Persekutuan secara menyeluruh dengan negeri lain.

Menurutnya, bagaimanapun, antara aspek penting yang diperincikan dalam rundingan itu sekiranya perlu menetapkan kadar baharu tarif air bagi rakyat di negeri itu adalah tahap kelestarian bekalan dan kemampuan syarikat terlibat dalam menyelenggara fasiliti industri air.

"Perbincangan (mengenai penetapan kadar baharu tarif air)

sudah bertahun-tahun dilakukan. Sama ada sudah tiba masanya (untuk mengumumkan kadar baharu), kita sedang membuat keputusan itu dan akan memaklumkannya pada masa hadapan," katanya.

Amirudin berkata, sejak pihaknya mengambil alih tumpukan pentadbiran kerajaan negeri hampir dua tahun lepas, pelbagai kajian mengenai pelarasan tarif air telah dijalankan mencakupi kesemuanya aspek termasuk pelaksanaan dasar air percuma ketika ini.

"Paling baik (dalam menentukan kadar baharu tarif air) adalah apabila keuntungan Air Selangor Sdn Bhd (syarikat operator air) mampu dikembalikan kepada rakyat menerusi program air percuma negeri. Sekarang ini 50 peratus (kos pemberian air percuma) ditanggung kerajaan negeri dan 50 peratus lagi hasil margin (keuntungan) Air Selangor," katanya.